

7 September 2005

Encik Cheng Chip Khiang  
Pengurus Besar  
Nai Seng Sdn. Bhd.  
2-2-9, Lebuah Pekaka Satu  
11700 Gelugor  
**PULAU PINANG**

Encik Peter Lim Keat Wee  
Pengerusi  
Persatuan Penduduk-Penduduk Blok 31  
Taman Pekaka Pulau Pinang  
31B-19-3, Lorong Pekaka Satu  
Taman Pekaka  
11700 Gelugor  
**PULAU PINANG**

Tuan-tuan,

**RANCANGAN PEMINDAHAN TERATUR SEMASA BENCANA**

Surat dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (Ruj: JKMM.600/03/1/JD.13(22)) yang bertarikh 17 Ogos 2005 dirujuk.

Terlebih dahulu, saya ingin mengingatkan En. Cheng Chip Khiang bahawa saya telah menghantar empat pucuk surat yang bertarikh 10 Ogos 2004, 9 Disember 2004, 30 Mac 2005 dan 23 Mei 2005. Pihak tuan tidak pernah balas ataupun mengambil sebarang tindakan keatas aduan yang terkandung dalam surat-surat itu.

Di atas nasihat Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia saya di sini sekali lagi dengan segala hormatnya meminta En. Cheng selaku pemaju serta pengurus bangunan Blok 31A, B, C & D Taman Pekaka dengan kerjasama En. Peter Lim selaku Pengerusi Persatuan Penduduk-Penduduk untuk memulakan perbincangan dengan segera untuk menyediakan satu **Rancangan Pemindahan Teratur** untuk kesemua blok pangsapuri Taman Pekaka di bawah pengurusan Nai Seng Sdn. Bhd. demi keselamatan penduduk-penduduk sekiranya diperlukan.

Sejurus itu, seperti yang disarankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, tuan-tuan dinasihati untuk meminta bantuan serta kepakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat dan juga Jabatan Pertahanan Awam dalam perkara ini.

Saya ingin menyeru pihak Nai Seng Sdn. Bhd. serta Persatuan Penduduk-Penduduk supaya jangan memandang ringan perkara ini kerana banyak nyawa akan terancam sekiranya berlaku lagi bencana alam seperti gempa bumi ataupun kebakaran.

Di samping itu, saya ingin mencatatkan ketidakpuasan hati saya terhadap Nai Seng Sdn. Bhd. yang bersikap amat tidak bertanggungjawab kerana masih membenarkan kenderaan-kenderaan diletakkan di jalan laluan sekeliling kawasan taman walaupun saya telah beberapa kali membuat aduan terhadap perkara ini. Ini telah menjadi penghalang kepada jentera Jabatan Bomba dan Penyelamat dari memasuki kawasan taman untuk melakukan kerja-kerja menyelamatkan mereka dengan berkesan.

Pada kebakaran 10 Ogos 2004 dan 9 Mei 2005 di Taman Pekaka jentera bomba tidak dapat masuk ke dalam kawasan taman kerana dihalang oleh kenderaan yang diletakkan di sekeliling jalan laluan dalam kawasan taman. Kereta serta motosikal yang dibenarkan masuk dan diletakkan dengan kebenaran pengurus bangunan adalah sebab utama wujudnya halangan tersebut. Adakah pihak Nai Seng Sdn. Bhd. ingin melihat kehilangan nyawa berlaku sebelum mengambil tindakan?

Saya berharap Nai Seng Sdn. Bhd. serta Persatuan Penduduk-Penduduk akan memulakan perbincangan mengenai perkara ini dengan secepat mungkin. Sekiranya saya tidak menerima sebarang jawapan dari satu atau kedua-dua pihak dalam tempoh dua minggu dari tarikh menerima surat ini, saya akan menganggap bahawa sekalian tidak mengambil berat tentang bahaya yang dihadapi ataupun tidak ingin membuat sesuatu yang bernas untuk kepentingan penduduk-penduduk Blok 31A, B, C & D Taman Pekaka Pulau Pinang. Justeru itu, saya akan merujuk perkara ini kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia untuk tindakan dan nasihat lanjut mereka.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

Peter Tan

Salinan:

1. Setiausaha Sulit Kanan Kepada  
Y.B. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
Kompleks Kerajaan Bukit Perdana  
Jalan Dato' Onn  
**50515 KUALA LUMPUR**
2. Setiausaha Sulit Kanan Kepada  
Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Paras 3-7, Blok K, Pusat Bandar Damansara  
**50644 KUALA LUMPUR**

3. Y.B. Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia  
(Ruj: JKMM.600/03/1/JD.13(22))  
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia  
Tingkat 21-24, Menara Tun Ismail Mohamed Ali  
Jalan Raja Laut  
**50562 KUALA LUMPUR**
4. Setiausaha Sulit Kanan Kepada  
Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang  
Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang  
Tingkat 28 KOMTAR  
**10502 PULAU PINANG**
5. Y.B. Goh Kheng Sneah  
ADUN Batu Uban  
16 Solok Bukit Jambul  
11900 Bayan Lepas  
**PULAU PINANG**
6. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang  
Jalan Perusahaan  
13600 Perai  
**PULAU PINANG**
7. Pengarah Tanah dan Galian (Ruj: PTG/PB/ADUAN/124)  
Pejabat Tanah dan Galian  
Tingkat 21 & 22 KOMTAR  
**10000 PULAU PINANG**
8. Pengarah Bangunan-Bangunan (Ruj: JB/AD/2/1819-1)  
Majlis Perbandaran Pulau Pinang  
Paras 14, KOMTAR  
Jalan Penang  
**10000 PULAU PINANG**
9. Presiden  
Persatuan Orang-Orang Cacat Anggota Malaysia  
(Ruj: Ahli 1301)  
220 Jalan Midah Besar  
Taman Midah Cheras  
**56000 KUALA LUMPUR**
10. Presiden  
Persatuan Orang Cacat Negeri Pulau Pinang  
Kompleks Masyarakat Penyayang  
CO-19-GF Jalan Utama  
**10450 PULAU PINANG**